



Ruj.Kami : Prk. Prk.ML.08/25-22 (23)
Tarikh : 9 Mei 2014

SEPERTI SENARAI EDARAN

Dato`/Tuan,

DASAR DAN PROSEDUR BARU PELESENAN JABATAN PERIKANAN (PEKELILING BIL 10/2014)

Adalah saya dengan segala hormatnya ingin merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacitanya bersama-sama ini disertakan Pekeliling Bahagian Pengurusan Sumber mengenai kadar hukuman baru terhadap pengusaha vesel pukut tunda yang mencero boh di kawasan kurang lima (5) batu nautika dari pantai.
3. Sehubungan itu, Dato`/Tuan diminta untuk membuat hebahan kepada pihak berkepentingan mengenai peraturan baru ini yang akan dilaksanakan sepenuhnya mulai **1 JUN 2014**.
4. Kerjasama dan tindakan daripada pihak Dato`/Tuan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(DATO` HJ AHAMAD SABKI BIN MAHMOOD)

Ketua Pengarah Perikanan Malaysia
Ibu Pejabat Perikanan Putrajaya

Zahir/pekeliling/kadamukumanBaru

- s.k
- Y.H. Dato` Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pembangunan)
 - Y.Brs. Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pengurusan)
 - Semua Pengarah Bahagian
 - Ketua Cawangan Perundangan
 - Semua Ketua Cawangan Bahagian Pengurusan Sumber
 - Semua Pegawai dan Kakitangan Bahagian Pengurusan Sumber



PEKELILING BIL 10/2014

PEKELILING DASAR DAN PROSEDUR PELESENAN JABATAN JABATAN PERIKANAN

1.0 TUJUAN PEKELILING

Pekeliling Cawangan Pelesenan ini bertujuan memaklumkan peraturan baru mengenai kadar hukuman bagi pengusaha vesel pukat tunda yang mencero bohi kawasan dibawah lima (5) batu nautika dari pantai.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh FRI telah mendapati bahawa sumber perikanan negara telah merosot hampir 75% dalam tempoh 30 tahun.
- 2.2 Kemerosotan ini berpunca daripada aktiviti penangkapan ikan yang tidak mesra sumber di kawasan pembiakan ikan terutamanya di kawasan pantai.
- 2.3 Jabatan berusaha untuk mengekang kemerosotan ini dengan mengujudkan beberapa peraturan dalam menguruskan sumber perikanan ini.

3.0 TUJUAN PEKELILING

- 3.1 Selaras dengan hasrat jabatan untuk menguruskan sumber perikanan tangkapan dengan lebih mapan dan cekap, Jabatan mengenakan kadar hukuman yang lebih berat terhadap pengusaha vesel pukat tunda yang mencero boh di kawasan kurang dari lima (5) batu nautika dari pantai.
- 3.2 Kadar hukuman ini dijangka mampu mengatasi isu pencerobohan dan memberi impak kepada pemulihan semula sumber perikanan terutama di zon pantai.
- 3.3 Pelaksanaan kadar hukuman baru ini terpakai ke seluruh negara kecuali negeri Sabah.
- 3.4 Lain-lain kesalahan adalah tertakluk kepada hukuman yang sedia ada.

3.5 Kadar hukuman baru ini adalah seperti Jadual di bawah

BIL KESALAHAN	MUATAN VESEL		
	<40GRT	40-<70GRT	>70GRT
1	i. Kompaun = RM3,000	i. Kompaun = RM 6,000	i. Kompaun = RM 12,000
&	ii. Gantung Lesen 1 Tahun (12 Bulan)		
	iii. Peralatan Pukat Tunda Dirampas		
2	iv. Pindah Milik Lesen Tidak Dibenarkan Selama 5 Tahun		
	v. Wang Lelong Ikan Dirampas		
3	MAHKAMAH		

4.0 Pekeliling ini akan berkuatkuasa mulai **1 JUN 2014**.

SENARAI EDARAN

Pengarah Perikanan Negeri Perlis
Pengarah Perikanan Negeri Kedah
Pengarah Perikanan Negeri Pulau Pinang
Pengarah Perikanan Negeri Perak
Pengarah Perikanan Negeri Selangor
Pengarah Perikanan Negeri Negeri Sembilan
Pengarah Perikanan Negeri Melaka
Pengarah Perikanan Negeri Kelantan
Pengarah Perikanan Negeri Terengganu
Pengarah Perikanan Negeri Pahang
Pengarah Perikanan Negeri Johor
Pengarah Perikanan Negeri Sarawak
Pengarah Perikanan W.P Labuan